

IMPLIKASI DASAR PENGURUSAN WARGA ASING DI MALAYSIA

(Impact of Management Policies of Foreigners in Malaysia)

Mohd Faisal Anuar & Mohd Ikbal Mohd Huda

ABSTRAK

Undang-undang dan dasar-dasar hal ehwal imigresen berkenaan kemasukan serta keberadaan warga asing di Malaysia telah menetapkan bahawa mana-mana warga asing yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan sahaja boleh memasuki dan berada di Malaysia. Walau bagaimanapun, banjir warga asing terutamanya di kawasan ibu kota dan bandar sering dibangkitkan dan menjadi perhatian rakyat di Malaysia. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesan pelaksanaan dasar-dasar pengurusan warga asing yang melibatkan kemasukan dan keberadaan warga asing di Malaysia. Kajian ini telah dijalankan secara kualitatif iaitu maklumat dan data utama diperolehi melalui sumber sekunder seperti jurnal secara atas talian berkaitan warga asing dan migrasi, akhbar secara atas talian, terbitan agensi Kerajaan sama ada secara atas talian dan fizikal. Kajian mendapati bahawa implikasi dasar pengurusan warga asing dapat dilihat di dalam kedua-dua konteks iaitu positif dan negatif. Bagi konteks positif, kajian mendapati bahawa dasar pengurusan warga asing memberikan impak positif kepada ekonomi negara yang melibatkan keperluan buruh, pelancongan dan pendidikan. Bagi konteks negatif pula, kajian mendapati dasar pengurusan warga asing juga memberikan impak negatif kepada keselamatan yang melibatkan jenayah indeks dan penyakit berjangkit. Selain itu, sistem pengurusan yang lemah dan tidak memenuhi aspek keselamatan memberikan impak negatif kepada pengurusan warga asing di Malaysia.

Kata kunci: Warga asing, Malaysia, PATI, Migrasi, Keselamatan

ABSTRACT

Malaysian laws and immigration policies on the entry and presence of foreigners stipulated that only those that meet the prescribed conditions will be allowed to enter and stay in Malaysia. However, the influx of foreigners in the capital and urban areas has raised concerns among the Malaysian publics. This study aims to identify the impacts of the implementation of the immigration management policies with regards to their entry and stay in the country. Using qualitative methodology, main information and data were gathered from secondary resources such as online journals on foreigners and migration, online newspapers, and both offline and online publication from relevant government agencies. This study found that the implications of immigration management policies can be viewed in both positive and negative contexts. From the positive contexts, the immigration management policies have contributed positively to the country's economy especially in labours, tourism, and education sectors. The immigration management policies however have negatively impacted the national security with regards to indexed crimes and infectious diseases. Lax management system that compromises

the security aspects has also negatively impacted the management of foreigners and immigrants in Malaysia.

Keywords: Foreigners, Malaysia, PATI, Migration, Security

PENGENALAN

Migrasi bukan satu fenomena yang baharu malah ianya telah berlaku sejak zaman dahulu lagi di mana penduduk sesuatu kawasan berpindah di atas faktor perubahan iklim, persekitaran, makanan, penjajahan, peperangan dan sebagainya (Blakemore 2019). Dalam sejarah moden, pada zaman kolonial migrasi juga berlaku di mana negara-negara yang maju dan kaya datang menjajah kawasan baharu untuk mendapatkan bekalan sumber seperti bijih timah, besi, balak, emas, rempah ratus dan sebagainya (National Geographic 2020). Di Asia Tenggara juga tidak terkecuali daripada penjajahan kuasa asing yang mana Belanda telah menjajah Batavia, Perancis telah menjajah Indochina dan Sepanyol pula telah menjajah Filipina. Sementara itu, bagi Tanah Melayu yang kemudiannya dikenali sebagai Malaysia telah dijajah oleh Portugis, Belanda, British dan Jepun. Namun begitu kehadiran warga asing bermula dengan pengambilan secara beramai-ramai warganegara India dan China untuk bekerja dalam sektor-sektor yang ditentukan oleh British yang kemudiannya mereka diberikan taraf kewarganegaraan berasaskan kontrak sosial. Selepas Malaysia mencapai kemerdekaan, dalam usaha untuk beralih kepada negara maju, warga asing masih diperlukan untuk mengatasi kekurangan pekerja mahir tempatan (Anon. 2015).

Isu banjir warga asing kerap dibangkitkan setiap kali cuti perayaan dan cuti umum yang panjang, yang mana bandar-bandar utama di negara ini terutamanya di Lembah Klang menjadi tumpuan warga asing untuk berkumpul. Isu lambakan warga asing ini merebak hingga ke bandar selain Lembah Klang sehingga membuatkan penduduk tempatan bukan sahaja berasa tidak selesa serta takut, malah umpama terasing di tanah air sendiri (MyMetro 2019a). Walaupun undang-undang dan dasar-dasar hal ehwal imigresen berkenaan kemasukan serta keberadaan warga asing di Malaysia telah menetapkan bahawa mana-mana warga asing yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan sahaja boleh memasuki dan berada di Malaysia mengapa isu banjir warga asing terutamanya di kawasan ibu kota dan bandar sering dibangkitkan dan tidak pernah selesai. Susulan daripada itu, semasa Malaysia mula dilanda pandemik penyakit coronavirus 2019 (COVID-19), sekali lagi isu lambakan warga asing dibangkitkan kerana negara telah berdepan peningkatan kes di kalangan warga asing. Risiko penularan jangkitan dalam kalangan warga asing adalah tinggi berikutan kebanyakan mereka tinggal di dalam penempatan yang padat dan kotor (Ahmad Suhael 2020). Oleh yang demikian, kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti kesan pelaksanaan dasar-dasar pengurusan warga asing yang melibatkan kemasukan dan keberadaan warga asing di Malaysia.

SOROTAN KAJIAN

Migrasi di Malaysia

Ahmad Zulnasri (2019) telah membincangkan evolusi sistem kawalan imigresen bagi warga asing untuk keluar dan masuk ke Malaysia. Konsep dan praktis migrasi secara umumnya telah

wujud semenjak zaman Kesultanan Melayu Melaka. Migrasi manusia sewaktu itu adalah bebas disebabkan tiada persempadanan antara negara yang jelas. Pelabuhan Melaka telah menjadi pintu masuk utama bagi kapal-kapal asing yang berlabuh dan mendarat di Melaka. Kawalan migrasi di Tanah Melayu telah mula dilaksanakan semasa di bawah pentadbiran British. Pada tahun 1920-an, pekerja asing dari China dan India telah dibawa masuk oleh British bagi meningkatkan ekonomi perladangan dan perlombongan di Tanah Melayu. Pihak British menggunakan sistem kawalan imigresen hanya sebagai alat keperluan bagi pengesahan identiti golongan elit dan pekerja asing bukannya untuk tujuan keselamatan. Namun begitu, susulan daripada lambakan warga asing daripada China, pihak British telah menambahbaik sistem kawalan imigresen dengan mewujudkan dokumen pengenalan diri warga asing. Mohamed Rafizal (2019) pula telah membincangkan berkaitan dasar pekerja asing di Malaysia bagi warganegara Bangladesh melalui mekanisma Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Bangladesh. Mekanisma tersebut telah membendung mekanisma biasa iaitu melalui agensi pekerjaan atau orang tengah bagi majikan dan pekerja. Mekanisma biasa dikatakan bermasalah dan tidak efisien serta berkos tinggi. Nurina Awanis, Mohd Na'eim dan Zawiyah (2019a) telah menjalankan kajian berkaitan faktor pengambilan pekerja asing di Malaysia iaitu daripada sudut perspektif majikan. Faktor-faktor pekerja tempatan juga memainkan peranan penting dalam keperluan majikan mengambil pekerja asing. Majikan secara umumnya memerlukan pekerja sama ada tempatan atau asing bagi memenuhi kehendak dan keperluan majikan.

Mohd Na'eim et al. (2018) telah mengkaji berkaitan proses dan kaedah serta pendekatan dalam menggubal dasar pekerja asing di Malaysia. Langkah-langkah penggubalan dasar yang mempunyai tiga peringkat. Ketiga-tiga peringkat tersebut telah melibatkan pelbagai pihak pemegang taruh pekerja asing iaitu kementerian atau agensi kerajaan yang berkaitan, wakil majikan, wakil pekerja, badan bukan kerajaan dan ahli akademik. Secara umumnya pendekatan yang digunakan oleh Kerajaan dalam menggubal dasar pekerja asing adalah lebih tertumpu kepada dua aspek utama iaitu ekonomi dan keselamatan. Taufiq et al. (2018) telah menerangkan bahawa terdapatnya dasar-dasar bilateral antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Indonesia berkaitan perlindungan hak-hak pekerja asing warganegara Indonesia. Azizah Kassim (2014) telah menghujahkan berkaitan dasar migrasi Malaysia bagi lima kategori warga asing iaitu pekerja asing, peserta *Malaysia My Second Home* (MM2H), pelajar antarabangsa, pelarian dan PATI. Ruhanas Harun (2009) telah menghujahkan berkaitan isu-isu keselamatan Malaysia berdasarkan kedudukan geografi Malaysia yang terdedah kepada isu-isu keselamatan dan kerjasama serta hubungan Malaysia dengan negara-negara jiran dan Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) dalam menangani isu-isu keselamatan yang berbangkit. Azizah Kassim (2005) telah mengkaji berkenaan dasar warga asing untuk bekerja di Malaysia iaitu sebagai pekerja tidak mahir, pekerja separa mahir dan ekspatriat. Kemasukan pekerja asing meningkat selepas era kemerdekaan Malaysia iaitu pada awal 1970-an. Ini berikutan pembangunan Malaysia melalui Rancangan Malaysia Kedua (1970-1975) yang menumpukan pada sektor ekonomi pembangunan tanah, infrastruktur, perkhidmatan dan perladangan. Susulan itu, dasar pekerja asing diwujudkan oleh Malaysia pada awal 1980-an bagi mengawal selia pekerja asing dan PATI. Penulis juga menyentuh secara ringkas berkaitan isu-isu berbangkit seperti lambakan PATI, pekerja asing, pemohon suaka dan pelarian di Malaysia.

Warga Asing di Malaysia

Nurina Awanis, Mohd Na'eim dan Zawiyah (2019b) telah mengkaji cabaran yang dihadapi oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dalam menguruskan PATI di depot tahanan imigresen. Pihak JIM tidak dapat memenuhi standard piawaian antarabangsa bagi pengurusan depot tahanan imigresen. Terdapat lima cabaran dihadapi oleh pihak JIM iaitu penyediaan kemudahan penginapan, pengenalpastian identiti tahanan, kesukaran untuk berkomunikasi dengan tahanan, sistem teknologi yang terhad dan masalah ketiadaan bekalan air. Prabandari dan Adiputera (2019) telah membuat kajian berkaitan kaedah dan dasar pengurusan pelarian dan pemohon suaka di Indonesia dan Malaysia selaku negara yang tidak menandatangani konvensyen pelarian. Kedua-dua negara tersebut telah mewujudkan kaedah alternatif iaitu tanpa melibatkan undang-undang dan peraturan-peraturan antarabangsa. Aktor bukan negara memainkan peranan penting dalam membantu Kerajaan menguruskan kebajikan dan perlindungan pelarian serta pemohon suaka di Malaysia.

Nurul Amirah, Nooraini dan Wardatul Aishah (2019) telah mengkaji dan membincangkan berkaitan fenomena isu pemerdagangan manusia yang berlaku di Malaysia serta langkah-langkah yang dijalankan oleh Kerajaan Malaysia untuk membanteras isu tersebut. Nafisah Ilham et al. (2018) telah membincangkan berkenaan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan badan bukan kerajaan iaitu Tenaganita dalam menangani isu pemerdagangan manusia untuk eksploitasi seks di Malaysia. Kedua-dua agensi tersebut memainkan peranan penting dan saling melengkapi antara satu sama lain dalam menangani isu tersebut. Pihak PDRM berkuasa dalam menjalankan penguatkuasaan, penyelamatan dan kesedaran manakala Tenaganita pula penting dalam menjalankan advokasi, pencegahan dan pemulihan bagi tujuan membela hak asasi mangsa pemerdagangan. Mohd Na'eim et al. (2017) telah mengkaji senario aktiviti penyeludupan warga asing di Malaysia. Terdapat perbezaan konsep penyeludupan dan pemerdagangan migran. Kedua-dua aktiviti tersebut merupakan kegiatan jenayah merentas sempadan dan dijalankan oleh sindiket. Siti Hanna Aisya dan Sharifah Nursyahidah (2017) telah membincangkan bahawa Kerajaan dan badan bukan kerajaan berperanan dalam menangani peningkatan sektor seks di Malaysia akibat aktiviti pemerdagangan wanita. Hoon et al. (2017) telah mengkaji impak warga asing terhadap penduduk tempatan di kawasan rumah mampu milik. Kajian telah dijalankan di kawasan perumahan yang strategik iaitu berstatus bandar, mempunyai infrastruktur pengangkutan awam dan berhampiran dengan kawasan tumpuan pekerjaan. Secara keseluruhannya, penduduk tempatan kebanyakannya berasa negatif terhadap keberadaan warga asing yang ramai menetap di kawasan tempat tinggal mereka.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini telah dijalankan secara kualitatif iaitu maklumat dan data utama diperolehi melalui sumber sekunder seperti bahan bacaan akademik iaitu jurnal secara dalam talian berkaitan warga asing dan migrasi, akhbar secara dalam talian, terbitan agensi sama ada secara dalam talian dan fizikal serta sumber yang berkaitan dengan dasar pengurusan warga asing. Kajian dan pengumpulan data serta maklumat juga dijalankan melalui pembacaan artikel yang diterbitkan di akhbar atau agensi Kerajaan secara dalam talian. Menurut Anderson (2020), pengumpulan maklumat dan data melalui pembacaan artikel di dalam akhbar dijalankan kerana terdapat dokumen, wawancara, kenyataan media dan statistik yang diperolehi daripada

Kerajaan Malaysia disiarkan dalam akhbar untuk pemakluman orang awam. Namun begitu, maklumat statistik berkenaan warga asing di Malaysia didapati sukar diperolehi melalui carian dalam talian. Maklumat statistik diperlukan bagi menganalisa impak dasar pengurusan warga asing tersebut. Walaupun maklumat statistik telah dipohon daripada Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Kementerian Sumber Manusia (KSM), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), namun maklumat statistik tersebut hanya diperolehi daripada KDN, KPT, MOTAC, JIM dan PDRM sahaja. Sehubungan itu, bagi melengkapkan maklumat statistik tersebut, carian telah dijalankan di Portal Data Terbuka Malaysia iaitu laman web di bawah seliaan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri (MAMPU, JPM) dan laporan-laporan serta kenyataan media daripada KPT, KKM, KSM, JIM dan LHDN. Semua maklumat dan data tersebut telah diproses dan dianalisa berdasarkan kategori warga asing iaitu pelancong asing, pelajar antarabangsa, pekerja asing, ekspatriat dan PATI. Carian secara dalam talian juga telah dibuat sepanjang tahun 2010 sehingga 2021 dengan menggunakan kata kunci seperti warga asing, pelancong asing, pelajar antarabangsa, pelajar asing, pekerja asing, ekspatriat, pegawai dagang, pendatang asing dan pendatang asing tanpa izin (PATI). Kajian, penganalisaan maklumat dan data telah dijalankan mengikut turutan tahun iaitu daripada 2010 sehingga 2020 bagi memastikan maklumat dan data tersebut adalah mengikut kesinambungan daripada tahun-tahun sebelumnya.

DAPATAN KAJIAN

Hasil kajian telah dibahagikan mengikut kategori warga asing iaitu pelancong asing, pelajar antarabangsa, pekerja asing, ekspatriat dan pendatang asing tanpa izin (PATI).

Pelancong Asing

Pelancong asing yang masuk ke Malaysia melalui mana-mana pintu masuk diberikan kemudahan Pas Lawatan (Sosial) untuk tujuan lawatan sosial termasuk aktiviti-aktiviti seperti melawat saudara mara, melancong, membuat liputan akhbar atau berita, menghadiri mesyuarat, mengadakan perbincangan mengenai perniagaan atau perdagangan, pemeriksaan kilang, mengaudit akaun syarikat, menandatangani perjanjian-perjanjian, menghadiri seminar-seminar, lawatan muhibah penuntut-penuntut atau menduduki peperiksaan peringkat universiti, mengambil bahagian dalam perlawanan olahraga atau sukan dan kegiatan-kegiatan khas yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Imigresen Malaysia (Jabatan Imigresen Malaysia t.th.a).

Berdasarkan Jadual 1, jumlah ketibaan pelancong asing bagi tahun 2010 sehingga 2019 secara puratanya adalah berjumlah 25.78 juta orang. Bilangan pelancong asing telah berkurangan pada tahun 2020 sebanyak 83 peratus berbanding jumlah purata tersebut. Jumlah perbelanjaan yang tinggi ditunjukkan sepanjang tahun 2016 sehingga 2019 berbanding tahun-tahun sebelumnya. Jumlah perbelanjaan terkecil adalah pada tahun 2020 iaitu selari dengan penurunan jumlah ketibaan pelancong asing bagi tahun tersebut.

Special Issue: Vol. 19, No.2 (2022) 71-95. ISSN: 1823-884x
Theme: Community Development, Education, Socio-Economic and Social Transformation

Jadual 1: Jumlah ketibaan dan perbelanjaan pelancong asing bagi tahun 2010 sehingga 2020

| Tahun | Jumlah Ketibaan (Juta Orang) | Jumlah Perbelanjaan (RM Bilion) |
|-------|---------------------------------|------------------------------------|
| 2010 | 24.58 | 56.5 |
| 2011 | 24.71 | 58.3 |
| 2012 | 25.03 | 60.6 |
| 2013 | 25.72 | 65.4 |
| 2014 | 27.44 | 72 |
| 2015 | 25.72 | 69.1 |
| 2016 | 26.76 | 82.1 |
| 2017 | 25.95 | 82.1 |
| 2018 | 25.83 | 84.1 |
| 2019 | 26.1 | 86.1 |
| 2020 | 4.33 | 12.7 |

Sumber: Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (2021)

Merujuk kepada Jadual 2, jumlah ketibaan pelancong China yang tertinggi dicatatkan pada tahun 2019 iaitu peningkatan sebanyak 175 peratus berbanding tahun 2010. Jumlah ketibaan bagi pelancong India yang tertinggi pula dicatatkan pada tahun 2014 iaitu seramai 770,108 orang.

Jadual 2: Jumlah ketibaan pelancong China dan India

| Tahun | China (Orang) | India (Orang) |
|-------|---------------|---------------|
| 2010 | 1,130,261 | 690,849 |
| 2011 | 1,250,536 | 699,056 |
| 2012 | 1,583,318 | 691,271 |
| 2013 | 1,791,423 | 650,989 |
| 2014 | 1,613,355 | 770,108 |
| 2015 | 1,677,163 | 722,141 |
| 2016 | 2,124,942 | 638,578 |
| 2017 | 2,281,666 | 522,739 |
| 2018 | 2,944,133 | 600,311 |
| 2019 | 3,114,257 | 735,309 |
| 2020 | 405,149 | 155,833 |

Sumber: Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (2021)

Berdasarkan Jadual 3, selari dengan jumlah ketibaan tertinggi bagi tahun 2019, jumlah perbelanjaan pelancong China juga adalah tertinggi bagi tahun tersebut iaitu berjumlah RM 15,325 juta. Bagi pelancong India pula, jumlah perbelanjaan tertinggi adalah bagi tahun 2019 iaitu berjumlah RM 3,620 juta.

Jadual 3: Jumlah perbelanjaan pelancong China dan India bagi tahun 2010 sehingga 2020

| Tahun | China (RM Juta) | India (RM Juta) |
|-------|--------------------|--------------------|
| 2010 | 2,469 | 1,496 |
| 2011 | 3,522 | 1,861 |
| 2012 | 4,501 | 1,879 |
| 2013 | 5,539 | 1,913 |
| 2014 | 4,940 | 2,282 |
| 2015 | 5,735 | 2,592 |
| 2016 | 7,928 | 2,658 |
| 2017 | 9,054 | 2,273 |
| 2018 | 12,305 | 2,771 |
| 2019 | 15,325 | 3,620 |
| 2020 | 1,822 | 742 |

Sumber: Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (2021)

Menurut Lembaga Penggalakan Perlancongan Malaysia (2020), bagi suku pertama tahun 2020, ketibaan pelancong asing adalah berjumlah 4,233,425 orang iaitu menurun sebanyak 36.8 peratus berbanding tahun 2019 bagi tempoh yang sama. Bagi tempoh yang sama pada tahun 2019, perbelanjaan pelancong asing adalah berjumlah RM 12.5 bilion iaitu penurunan sebanyak 41.5 peratus berbanding RM 21.4 bilion. Bagi tahun 2020, sepuluh pasaran utama ke Malaysia adalah seperti Jadual 4.

Jadual 4: Sepuluh negara tertinggi jumlah ketibaan bagi suku pertama tahun 2020

| Bil. | Negara | Jumlah Ketibaan (Orang) |
|------|------------------|-------------------------------|
| 1 | Singapura | 1,541,591 |
| 2 | Indonesia | 701,142 |
| 3 | China | 401,067 |
| 4 | Thailand | 331,417 |
| 5 | India | 153,727 |
| 6 | Brunei | 135,412 |
| 7 | Korea Selatan | 118,571 |
| 8 | Jepun | 73,154 |
| 9 | Australia | 72,047 |
| 10 | Filipina | 64,257 |


Sumber: Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (2020)

Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2018 Siri 2 telah melaporkan berkaitan ketiadaan rekod tarikh keluar yang melebihi 95 peratus bagi pelancong China dan India yang melawat Malaysia daripada tahun 2016 sehingga 2018 (Siti Nur Mas Erah 2019). Menurut laporan tersebut didapati 76,258 orang (95.6 peratus) daripada 79,799 orang warganegara China tidak mempunyai rekod tarikh keluar sepanjang tahun 2016 sehingga 2018. Pihak JIM menjelaskan bahawa berdasarkan semakan semula oleh pihaknya, jumlah pelancong China yang didakwa belum meninggalkan Malaysia adalah seramai 18,341 orang atau 23 peratus, bukannya 95 peratus seperti yang dilaporkan. Menurut JIM, perbezaan jumlah tersebut mungkin berlaku kerana pelancong-pelancong China tersebut telah memasuki Malaysia tanpa Visa iaitu melalui pemprosesan Sistem *Electronic Travel Registration & Information* (eNTRI). Apabila pelancong China tersebut keluar dari Malaysia, tiada rekod dalam sistem eNTRI memandangkan mereka keluar dari Malaysia melalui sistem yang berlainan iaitu sistem JIM yang biasa iaitu Pas Lawatan (Sosial). Sehubungan itu, kelemahan sistem teknikal tersebut menyebabkan berlakunya perbezaan jumlah terbabit. Pihak Kementerian Dalam Negeri (KDN) juga memaklumkan bahawa penguatkuasaan sentiasa dijalankan bagi memastikan setiap warga asing yang berada di Malaysia mematuhi tempoh keberadaan yang ditetapkan oleh JIM.

Pelajar Antarabangsa

Setiap warga asing yang ingin belajar di Malaysia perlu memohon Pas Pelajar. Warga asing dibenarkan belajar di institusi pendidikan awam atau swasta yang diluluskan kursus-kursus dan penubuhannya oleh Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pelajaran Malaysia serta memperolehi kebenaran pengambilan pelajar antarabangsa oleh Kementerian Dalam Negeri (Jabatan Imigresen Malaysia t.th.a). Menteri Pengajian Tinggi, Dr Noraini Ahmad telah memaklumkan bahawa jumlah pelajar antarabangsa bagi tahun 2020 adalah berjumlah 130,000 orang (Kementerian Pengajian Tinggi t.th.). Rajah 1 menunjukkan jumlah bilangan pelajar antarabangsa di peringkat pengajian tinggi bagi tahun 2014 sehingga 2019 yang mana secara puratanya adalah berjumlah 120,657 orang. Jumlah tertinggi bilangan pelajar antarabangsa di peringkat pengajian tinggi adalah pada tahun 2017 iaitu berjumlah 136,293 orang manakala jumlah yang terendah adalah pada tahun 2019 iaitu berjumlah 93,569 orang iaitu perbezaan sebanyak 31 peratus.

Rajah 1: Jumlah pelajar antarabangsa di peringkat pengajian tinggi bagi tahun 2014 sehingga 2019



Sumber: Kementerian Pendidikan Tinggi (2014); Kementerian Pendidikan Tinggi (2015);
Kementerian Pendidikan Tinggi (2016); Kementerian Pendidikan Tinggi (2017);
Kementerian Pendidikan Malaysia (2018); Kementerian Pengajian Tinggi (2019)

Berdasarkan Jadual 5, majoriti pelajar antarabangsa telah mengikuti pengajian peringkat prasiswazah berbanding pascasiswazah. Majoriti pelajar antarabangsa juga telah mengikuti pengajian di institut pengajian tinggi swasta (IPTS) bagi peringkat prasiswazah. Manakala bagi peringkat pascasiswazah, majoriti pelajar antarabangsa mengikuti pengajian mereka di institut pengajian tinggi awam (IPTA). Trend tersebut didapati sama bagi tahun 2014 sehingga 2017. Sehubungan itu, berdasarkan Jadual 4.6, kebanyakan pelajar antarabangsa mengikuti pengajian di IPTS berbanding IPTA bagi tahun 2014 sehingga 2019.

Jadual 5: Jumlah pelajar antarabangsa mengikut peringkat pengajian di institut pengajian tinggi bagi tahun 2014 sehingga 2017

| Tahun | Prasiswazah (Orang) | | Pascasiswazah (Orang) | | Jumlah (Orang) |
|-------|---------------------|--------|-----------------------|--------|----------------|
| | IPTA | IPTS | IPTA | IPTS | |
| 2014 | 9,885 | 70,141 | 22,957 | 4,855 | 107,838 |
| 2015 | 11,081 | 80,485 | 22,315 | 8,142 | 122,023 |
| 2016 | 9,483 | 92,378 | 21,115 | 9,734 | 132,710 |
| 2017 | 11,925 | 92,083 | 21,170 | 11,115 | 136,293 |

Sumber: Kementerian Pendidikan Tinggi (2014); Kementerian Pendidikan Tinggi (2015); Kementerian Pendidikan Tinggi (2016); Kementerian Pendidikan Tinggi (2017)

Jadual 6: Jumlah pelajar antarabangsa mengikut institusi bagi tahun 2014 sehingga tahun 2019

| Tahun | Institusi (Orang) | | Jumlah (Orang) |
|-------|-------------------|---------|----------------|
| | IPTA | IPTS | |
| 2014 | 32,842 | 74,996 | 107,838 |
| 2015 | 33,396 | 88,627 | 122,023 |
| 2016 | 30,598 | 102,112 | 132,710 |

| | | | |
|------|--------|---------|---------|
| 2017 | 33,095 | 103,198 | 136,293 |
| 2018 | 39,099 | 92,415 | 131,514 |
| 2019 | 34,556 | 59,013 | 93,569 |

Sumber: Kementerian Pendidikan Tinggi (2014); Kementerian Pendidikan Tinggi (2015);
Kementerian Pendidikan Tinggi (2016); Kementerian Pendidikan Tinggi (2017);
Kementerian Pendidikan Malaysia (2018); Kementerian Pengajian Tinggi (2019)

Berdasarkan Jadual 7, bagi tahun 2015 sehingga 2018, jumlah pelajar antarabangsa dari Bangladesh adalah yang tertinggi. Manakala bagi tahun 2019, pelajar antarabangsa dari China merupakan jumlah pelajar antarabangsa yang tertinggi berikutan pengurangan sebanyak 65 peratus berbanding jumlah tahun 2018 bagi pelajar antarabangsa dari Bangladesh. Pelajar antarabangsa dari Nigeria juga telah berkurangan sebanyak 56 peratus berbanding tahun 2018.

Jadual 7: Jumlah pelajar antarabangsa berdasarkan 10 negara asal tertinggi di institut pengajian tinggi bagi tahun 2015 sehingga 2019

| Bil. | Negara Asal | Tahun (Orang) | | | | |
|------|--------------|-----------------|-----------------|-----------------|-----------------|-----------------|
| | | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 | 2019 |
| 1 | Bangladesh | 30,829 | 34,455 | 30,525 | 22,158 | 7,739 |
| 2 | Nigeria | 12,947 | 15,262 | 13,529 | 11,105 | 4,822 |
| 3 | China | 10,775 | 11,718 | 14,854 | 16,361 | 13,448 |
| 4 | Indonesia | 8,956 | 8,653 | 9,762 | 10,783 | 9,340 |
| 5 | Yemen | 5,294 | 5,942 | 6,248 | 7,376 | 6,001 |
| 6 | Iran | 5,204 | 4,055 | 3,068 | 3,185 | Tidak Berkaitan |
| 7 | Pakistan | 4,507 | 5,292 | 6,033 | 6,850 | 5,146 |
| 8 | Iraq | 3,292 | 3,264 | 3,257 | 3,645 | 2,226 |
| 9 | Libya | 3,130 | 3,264 | 3,317 | 3,309 | Tidak Berkaitan |
| 10 | Sudan | 2,744 | 3,002 | 3,104 | Tidak Berkaitan | Tidak Berkaitan |
| 11 | India | Tidak Berkaitan | Tidak Berkaitan | Tidak Berkaitan | 3,272 | 3,073 |
| 12 | Egypt | Tidak Berkaitan | Tidak Berkaitan | Tidak Berkaitan | Tidak Berkaitan | 2,647 |
| 13 | Saudi Arabia | Tidak Berkaitan | Tidak Berkaitan | Tidak Berkaitan | Tidak Berkaitan | 2,249 |

Sumber: Kementerian Pendidikan Tinggi (2015); Kementerian Pendidikan Tinggi (2016); Kementerian Pendidikan Tinggi (2017); Kementerian Pendidikan Malaysia (2018); Kementerian Pengajian Tinggi (2019)

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menganggarkan purata perbelanjaan pelajar antarabangsa di Malaysia adalah berjumlah RM 46,000 setahun bagi seorang pelajar dan sekiranya ahli keluarga pelajar tersebut turut menetap di Malaysia, jumlah tersebut menjadi RM 88,000 setahun (BERNAMA 2019). Sehubungan itu, secara puratanya Malaysia memperoleh RM 7.2 bilion setahun hasil daripada sumber pendapatan seperti yuran pengajian, kos sara hidup dan perkhidmatan lain sepanjang pengajian pelajar antarabangsa. Menurut

Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara pula, *Student Application and Registration System* (STARS) iaitu sistem di bawah seliaan Education Malaysia Global Services (EMGS) didapati terdapat kelemahan daripada segi penyimpanan data, terutamanya yang melibatkan Memo Periksa Keluar yang mengakibatkan isu pelajar antarabangsa yang tinggal melebihi tempoh tidak dapat dipantau (BERNAMA 2020). Pihak JIM juga memaklumkan bahawa kebanyakan IPTS tidak melaporkan kepada JIM sekiranya pelajar antarabangsa di bawah institusi mereka hilang dan tidak mengikuti pengajian yang ditetapkan (Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2017). Pelajar antarabangsa yang hilang tersebut telah menyalahgunakan Pas Pelajar kerana tidak mengikuti pengajian yang ditetapkan dan terdapat juga pelajar tersebut yang terlibat dalam aktiviti jenayah. Pelajar antarabangsa tersebut didapati telah bekerja atau menjalankan aktiviti haram seperti pelacuran dan pelayan pelanggan.

Selain itu, menurut Polis Diraja Malaysia (PDRM), kebanyakan warganegara Nigeria memasuki Malaysia dengan menggunakan kemudahan Pas Pelajar. Menurut PDRM juga, berdasarkan statistik tangkapan bagi tahun 2015 sehingga 2017, seramai 358 orang pelajar antarabangsa telah ditahan atas kesalahan pemilikan dan pengedaran dadah. Bagi ketiga-tiga tahun tersebut, pelajar warganegara Nigeria mendahului pelajar dari 10 negara-negara lain seperti Bangladesh, Yaman, Sudan, Pakistan, Libya, Syria, Jordan, Palestin, Arab Saudi dan lain-lain. Daripada jumlah itu, 122 orang pelajar dari Nigeria di mana 33 orang ditahan pada 2015, 63 orang pada 2016 dan 26 orang antara Januari sehingga Mei tahun 2017. Pihak PDRM juga telah menahan warganegara Nigeria yang memegang Pas Pelajar yang dipercayai terlibat dengan penipuan e-dagang dan *love scam* yang menyasarkan mangsa daripada warga Thailand dan Malaysia (Nuraina Hanis 2021). Kesan daripada pandemik penyakit Coronavirus 2019 (COVID-19) pula, Persatuan Kebangsaan IPTS Bumiputera Malaysia telah memohon dengan pihak Kerajaan agar menyediakan bantuan sekurang-kurangnya RM 10 bilion untuk membantu kelangsungan operasi IPTS yang terjejas (Raiham 2020). Bantuan kewangan tersebut diperlukan bagi menampung kesan jangka panjang pandemik COVID-19 yang mengakibatkan kemerosotan jumlah pengambilan pelajar antarabangsa disebabkan sekatan perjalanan dan syarat-syarat ketat kemasukan ke Malaysia.


Pekerja Asing

Pekerja asing pula merupakan warga asing yang bekerja sebagai pekerja tidak mahir atau separuh mahir yang berkelayakan menerima Pas Lawatan (Kerja Sementara) bagi membolehkan mereka bekerja dalam sektor-sektor yang dibenarkan iaitu perkilangan, pembinaan, pertanian, perladangan, perkhidmatan dan pembantu rumah. Permohonan pekerja asing oleh majikan adalah tertakluk kepada kelulusan kuota daripada Pusat Kelulusan Setempat (OSC), Kementerian Dalam Negeri. Semasa permohonan, pekerja asing tersebut perlu berumur tidak kurang daripada 18 tahun (21 tahun bagi sektor pembantu rumah) dan tidak melebihi 45 tahun. Pekerja asing juga perlu lulus tapisan keselamatan dan kesihatan. Pekerja asing juga hanya dibenarkan dari 15 negara sumber iaitu Thailand, Kemboja, Myanmar, Nepal, Laos, Vietnam, Filipina, Pakistan, Sri Lanka, Turkmenistan, Uzbekistan, Kazakstan, India, Indonesia dan Bangladesh (Jabatan Imigresen Malaysia t.th.a).

Berdasarkan Rajah 2, secara puratanya jumlah pekerja asing bagi keenam-enam tahun tersebut adalah berjumlah 1,887,704 orang. Pada tahun 2016 jumlah pekerja asing telah menurun sebanyak 12 peratus berbanding tahun 2015. Susulan itu, pada tahun 2017 juga

jumlah pekerja asing telah menurun sebanyak 3 peratus. Jumlah pekerja asing yang terendah adalah pada Jun 2020 iaitu telah berkurangan sebanyak 27 peratus berbanding tahun 2015.

Rajah 2: Jumlah pekerja asing bagi tahun 2015 sehingga Jun 2020



Sumber: Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (2021a)

Dua warganegara yang mempunyai jumlah pekerja asing yang tertinggi ialah Indonesia diikuti Bangladesh. Jumlah kedua-dua warganegara tersebut adalah seramai 966,796 orang atau 62 peratus daripada jumlah keseluruhan pekerja asing pada Jun 2020. Manakala jumlah pekerja asing berwarganegara Laos adalah yang paling terendah iaitu seramai 31 orang sahaja pada Jun 2020. Jadual 8 menunjukkan perincian jumlah pekerja asing mengikut warganegara bagi tahun 2015 sehingga Jun 2020.

Jadual 8: Jumlah pekerja asing mengikut warganegara bagi tahun 2015 sehingga Jun 2020

| Warganegara | Tahun (Orang) | | | | | |
|-------------|---------------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|
| | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 | 2019 | 2020 |
| Indonesia | 835,965 | 758,487 | 720,464 | 713,925 | 694,408 | 519,219 |
| Nepal | 502,596 | 405,336 | 388,836 | 346,313 | 298,846 | 241,106 |
| Bangladesh | 282,437 | 252,365 | 271,100 | 544,652 | 571,445 | 447,577 |
| India | 139,751 | 119,984 | 117,314 | 120,978 | 109,099 | 81,422 |
| Myanmar | 145,652 | 138,492 | 114,507 | 111,802 | 160,147 | 138,423 |
| Pakistan | 72,931 | 62,745 | 58,510 | 62,627 | 57,565 | 40,995 |
| Filipina | 65,096 | 58,366 | 55,184 | 20,054 | 51,785 | 39,447 |
| Vietnam | 48,426 | 32,549 | 25,088 | 20,054 | 16,396 | 11,860 |
| China | 13,174 | 13,441 | 20,442 | 16,434 | 13,029 | 8,962 |
| Thailand | 13,547 | 12,374 | 16,177 | 16,461 | 16,658 | 8,316 |
| Sri Lanka | 7,008 | 6,198 | 5,319 | 5,575 | 6,941 | 5,383 |
| Cambodia | 8,391 | 5,995 | 4,402 | 3,882 | 3,188 | 2,354 |
| Laos | 61 | 37 | 34 | 41 | 44 | 31 |
| Jumlah | 2,135,035 | 1,866,369 | 1,797,377 | 1,982,798 | 1,999,551 | 1,545,095 |

Sumber: Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (2021a)

Berdasarkan Jadual 9, dua sektor penggajian pekerja asing yang mempunyai jumlah pekerja asing yang tertinggi sepanjang tempoh lima tahun tersebut ialah sektor perkilangan diikuti pembinaan. Jumlah bilangan pekerja asing bagi kedua-dua sektor tersebut adalah berjumlah 1,001,356 orang atau 55 peratus daripada jumlah keseluruhan pekerja asing bagi tahun 2017.

Jadual 9: Jumlah pekerja asing mengikut sektor penggajian bagi tahun 2013 sehingga 2017

| Sektor | Tahun (Orang) | | | | |
|----------------|---------------|-----------|-----------|-----------|-----------|
| | 2013 | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 |
| Perkilangan | 751,772 | 747,866 | 745,131 | 648,621 | 645,388 |
| Pembinaan | 434,200 | 411,819 | 450,364 | 387,934 | 355,968 |
| Perkhidmatan | 269,321 | 270,048 | 293,433 | 253,120 | 247,008 |
| Perladangan | 431,611 | 317,410 | 300,770 | 268,478 | 260,429 |
| Pertanian | 193,482 | 170,680 | 196,710 | 173,641 | 160,276 |
| Pembantu Rumah | 169,936 | 155,591 | 148,627 | 134,575 | 128,308 |
| Jumlah (Orang) | 2,250,322 | 2,073,414 | 2,135,035 | 1,866,369 | 1,797,377 |

Sumber: Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (2021b)

Berdasarkan Jadual 10 pula, pekerja asing didapati ramai berada di kawasan Lembah Klang iaitu di negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya iaitu seramai 918,490 orang atau 45 peratus daripada jumlah keseluruhan. Di Lembah Klang, pekerja asing tersebut didapati majoritinya bekerja di dalam sektor perkilangan, pembinaan, perkhidmatan dan pembantu rumah. Bagi pekerja asing yang bekerja di dalam sektor perladangan, majoritinya bekerja di Sarawak dan Sabah iaitu berjumlah 122,851 orang atau 44 peratus daripada jumlah pekerja asing yang bekerja dalam sektor perladangan. Bagi sektor pertanian pula, majoriti pekerja asing bekerja di Sabah, Johor dan Selangor iaitu berjumlah 94,522 orang atau 60 peratus daripada jumlah pekerja asing yang bekerja dalam sektor pertanian.

Jadual 10: Jumlah pekerja asing mengikut sektor dan negeri sehingga 30 Jun 2019


| Bil. | Negeri | Sektor (Jumlah Orang) | | | | | | Jumlah (Orang) |
|------|-----------------|-----------------------|-----------|-------------|--------------|-----------|----------------|----------------|
| | | Perkilangan | Pembinaan | Perladangan | Perkhidmatan | Pertanian | Pembantu Rumah | |
| 1 | Selangor | 222,404 | 159,209 | 31,129 | 116,086 | 27,283 | 52,197 | 608,308 |
| 2 | Johor | 189,483 | 50,109 | 22,660 | 33,369 | 34,760 | 12,695 | 343,076 |
| 3 | Kuala Lumpur | 18,126 | 129,699 | 39,854 | 73,091 | 13,738 | 28,200 | 302,708 |
| 4 | Pulau Pinang | 96,176 | 21,264 | 596 | 18,544 | 3,146 | 7,994 | 147,720 |
| 5 | Sarawak | 28,748 | 22,156 | 61,053 | 10,022 | 6,778 | 2,839 | 131,596 |
| 6 | Sabah | 10,757 | 5,443 | 61,798 | 6,709 | 32,479 | 7,926 | 125,112 |
| 7 | Perak | 45,899 | 7,379 | 17,521 | 10,077 | 8,375 | 4,523 | 93,774 |
| 8 | Melaka | 26,039 | 17,155 | 2,568 | 7,496 | 7,026 | 2,981 | 63,265 |
| 9 | Negeri Sembilan | 27,685 | 8,591 | 5,696 | 11,545 | 4,860 | 2,716 | 61,093 |
| 10 | Pahang | 6,002 | 4,594 | 15,989 | 5,809 | 13,414 | 2,023 | 47,831 |

| | | | | | | | | |
|----------------|------------|---------|---------|---------|---------|---------|---------|-----------|
| 11 | Kedah | 23,786 | 8,271 | 1,746 | 7,060 | 2,421 | 2,109 | 45,393 |
| 12 | Terengganu | 1,278 | 1,686 | 4,140 | 2,240 | 195 | 758 | 10,297 |
| 13 | Kelantan | 2,403 | 1,657 | 3,172 | 895 | 447 | 868 | 9,442 |
| 14 | Putrajaya | 7 | 467 | 4,913 | 1,125 | 422 | 540 | 7,474 |
| 15 | Perlis | 613 | 204 | 244 | 882 | 650 | 171 | 2,764 |
| 16 | Labuan | 24 | 380 | 0 | 1,202 | 340 | 628 | 2,574 |
| Jumlah (Orang) | | 699,430 | 438,264 | 273,079 | 306,152 | 156,334 | 129,168 | 2,002,427 |

Sumber: Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia 2021c

Pengambilan pekerja asing juga melibatkan pembayaran levi oleh majikan kepada Kerajaan dan secara tidak langsung telah meningkatkan hasil pendapatan negara (Astro Awani 2016). Berdasarkan Rajah 3, secara puratanya jumlah kutipan levi adalah sebanyak RM 2.3 bilion bagi tahun 2011 sehingga 2015.

Rajah 3: Jumlah kutipan levi pekerja asing bagi tahun 2011 sehingga 2015



Sumber: Kementerian Dalam Negeri (2016)

Namun begitu, menurut Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2018, kawalan pekerja asing masih kurang cekap dan tidak dilaksanakan dengan teratur terutamanya melibatkan kelulusan kuota dan pemeriksaan kesihatan (MyMetro 2019b). Laporan tersebut memaklumkan bahawa bagi tahun 2016 sehingga 2018, seramai 22,901 orang pekerja asing telah digajikan dalam subsektor beku dan ini menggugat peluang pekerjaan warga tempatan. Selain itu, seramai 41,607 orang daripada 1.53 juta orang pekerja asing gagal pemeriksaan kesihatan walaupun seramai 17,520 orang telah lulus pemeriksaan kesihatan di negara asal. Daripada jumlah itu, seramai 7,197 orang didapati menghidap penyakit *Tuberculosis* dan 1,752 orang menghidap penyakit *Hepatitis B*. Menurut laporan tersebut juga, seramai 1,013 orang pekerja asing gagal pemeriksaan kesihatan, namun telah mendapat Pas Lawatan (Kerja Sementara) (PLKS) yang turut terdiri daripada 734 orang menghidap penyakit *Tuberculosis* dan 11 orang menghidap penyakit *Hepatitis B*. Manakala seramai 29,288 orang pekerja asing telah gagal pemeriksaan kesihatan namun tiada pengesahan maklumat sama ada mereka telah dihantar pulang melalui pengeluaran Memo Periksa Keluar.


Kementerian Sumber Manusia (KSM) juga memaklumkan bahawa terdapat 400,000 kekosongan daripada pekerjaan yang tidak diminati pekerja tempatan (BERNAMA 2021).

Terdapat permintaan pihak majikan dalam sektor-sektor seperti perladangan, pertanian, perkilangan dan pembinaan yang melibatkan sektor 3D iaitu pekerjaan kotor, sukar dan bahaya. Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) juga telah berunding dengan KDN dan KSM bagi mendapatkan kebenaran khas untuk mengimport sekurang-kurangnya 32,000 orang pekerja asing ke Malaysia (Salehudin 2021). Pihak KPPK memaklumkan bahawa Malaysia berisiko mengalami kerugian hampir RM 5 bilion disebabkan buah sawit yang masak yang tidak dituai. Ini disebabkan ramai pekerja asing yang bekerja di ladang kelapa sawit adalah dari Indonesia yang mana mereka telah pulang negara asal mereka sebelum pandemik COVID-19 melanda dunia dan kemudiannya mereka tidak dapat masuk semula ke Malaysia kerana sekatan perjalanan. Selain itu, pihak KPPK juga memaklumkan bahawa hasil pendapatan kelapa sawit negara bagi tahun 2020 adalah berjumlah RM 75 bilion dan mampu mencapai RM 80 bilion sekiranya masalah buruh dapat diatasi. Majlis Keselamatan Negara (MKN) pula memaklumkan bahawa sehingga Mac 2021, seramai 664,946 orang pekerja asing yang melibatkan 34,524 orang majikan telah menjalani ujian saringan COVID-19 (Nurul Hidayah 2021). Daripada jumlah tersebut, 10,073 orang adalah positif COVID-19, manakala 654,873 lagi adalah negatif. Menurut International Labour Organization (2020), faktor penyumbang utama peningkatan kes COVID-19 di kalangan pekerja asing adalah disebabkan tempat tinggal mereka yang sesak. Malah pada awal bulan Disember 2020, dilaporkan bahawa lebih daripada 90 peratus majikan belum mematuhi peruntukan yang dinyatakan dalam Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990.

Ekspatriat

Ekspatriat merupakan warga asing yang berkelayakan menerima Pas Penggajian bagi membolehkan mereka bekerja di sektor awam atau swasta di Malaysia (Jabatan Imigresen Malaysia t.th.a). Berdasarkan laporan Kementerian Kewangan Malaysia (2020), pada tahun 2020 jumlah ekspatriat berkurangan sebanyak 17.9 peratus berbanding tahun 2019 iaitu berjumlah 100,373 orang. Majoriti ekspatriat tersebut adalah daripada warganegara India (23.8 peratus), China (18.9 peratus) dan Filipina (7.4 peratus). Ekspatriat tersebut didapati kebanyakannya bekerja dalam sektor perkhidmatan (50.5 peratus), teknologi maklumat (34.5 peratus) dan pembinaan (5.9 peratus). Selain itu, menurut Talent Corporation Malaysia Berhad (2020), sehingga 31 Disember 2020, seramai 8,751 orang ekspatriat telah memegang Pas Residen-Talent (RP-T). Lima warganegara yang tertinggi yang memegang RP-T ialah terdiri daripada warganegara India, United Kingdom, Japan, Australia dan Pakistan. Manakala lima sektor pekerjaan yang tertinggi yang memegang RP-T ialah sektor minyak dan gas, teknologi maklumat, kewangan, pendidikan dan perniagaan. Berdasarkan Lembaga Hasil Dalam Negeri (2017), cukai pendapatan yang dikutip daripada ekspatriat menunjukkan peningkatan yang konsisten seperti Rajah 4 iaitu secara puratanya bagi keempat-empat tahun tersebut ialah berjumlah RM 159.56 juta.

Rajah 4: Jumlah kutipan cukai pendapatan ekspatriat bagi tahun 2013 sehingga 2016



Sumber: Lembaga Hasil Dalam Negeri (2017)

Berdasarkan *InterNations Expat City Ranking* tahun 2020 (Merchant 2020), Kuala Lumpur telah menduduki tempat kelapan di peringkat global berkenaan kualiti hidup golongan ekspatriat. Selain itu, seorang profesor daripada Perancis, Dr Marie-Aimée Tourres, yang telah bekerja dan berkhidmat di Malaysia selama 17 tahun memaklumkan bahawa pemberian RP-T oleh Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) telah memudahkan beliau dan majikannya menguruskan penggajiannya dan keberadaannya di Malaysia (Talent Corporation Malaysia Berhad 2016). Selain itu, Chris Kelly, seorang pengurus memaklumkan bahawa Malaysia telah menjalankan dasar yang baik berkenaan RP-T yang mana menunjukkan Malaysia memahami dan seiring dengan keperluan pasaran global (Talent Corporation Malaysia Berhad 2015).

Pendatang Asing Tanpa Izin

Mana-mana warga asing yang melanggar Akta Imigresen 1959/63 (Akta 155), Akta Pasport 1966 (Akta 150) dan Peraturan - Peraturan Imigresen 1963 seperti tinggal di Malaysia melebihi tempoh yang dibenarkan, tidak mempunyai Pas atau Permit yang sah untuk tinggal di Malaysia, melanggar syarat Pas dan imigran larangan ialah pendatang asing tanpa izin (PATI) (Jabatan Imigresen Malaysia t.th.a). Program Penyelesaian Menyeluruh Warga Asing dan Pendatang Asing Tanpa Izin (Program 6P) telah mendaftarkan seramai 1,303,126 orang PATI (Iwan Shu-Aswad 2011). PATI yang berdaftar dengan Program 6P kebanyakannya bekerja secara tidak sah dalam tiga sektor iaitu perkilangan seramai 175,475 orang (13.5 peratus), pembinaan seramai 137,795 orang (10.5 peratus) dan perkhidmatan seramai 244,261 orang (18.7 peratus). Seterusnya, berdasarkan Jadual 11, melalui Program PATI Serah Diri Sukarela untuk Pulang ke Negara Asal (Program 3 + 1), seramai 874,480 orang PATI telah dihantar pulang ke negara asal. Berdasarkan Jadual 4.11 juga, majoriti PATI adalah dari Indonesia iaitu sebanyak 48 peratus diikuti dari Bangladesh sebanyak 12 peratus daripada jumlah keseluruhan. Bagi tempoh 1 Januari 2018 sehingga 30 Ogos 2018, sejumlah 185,066 orang PATI telah mengikuti Program 3 + 1 (Jabatan Imigresen Malaysia t.th.b). Daripada jumlah tersebut, 56 peratus orang PATI telah melakukan kesalahan tinggal lebih masa dan 44 peratus orang PATI telah melakukan kesalahan tanpa Pas atau permit yang sah. Bagi tahun 2018, majoriti PATI iaitu berjumlah 119,673 orang atau 64 peratus telah mendaftar di kawasan Lembah Klang iaitu 96,753 orang di Putrajaya, 18,674 orang di Kuala Lumpur dan 4,246 orang di Selangor.

Special Issue: Vol. 19, No.2 (2022) 71-95. ISSN: 1823-884x
Theme: Community Development, Education, Socio-Economic and Social Transformation

Jadual 11: Jumlah PATI yang telah serah diri dan pulang ke negara asal melalui Program 3 + 1

| Bil. | Warganegara | Jumlah (Orang) |
|---------------|----------------------------------|----------------|
| 1 | Indonesia | 419,780 |
| 2 | Bangladesh | 106,850 |
| 3 | Nepal | 87,988 |
| 4 | India | 80,435 |
| 5 | Myanmar | 56,138 |
| 6 | Pakistan | 37,601 |
| 7 | Vietnam | 21,630 |
| 8 | China | 16,043 |
| 9 | Sri Lanka | 12,656 |
| 10 | Filipina | 12,402 |
| 11 | Kemboja | 9,032 |
| 12 | Nigeria | 4,004 |
| 13 | Somalia | 1,064 |
| 14 | Thailand | 780 |
| 15 | Syria | 618 |
| 16 | Iran | 455 |
| 17 | Republik Rakyat Demokratik Korea | 339 |
| 18 | Lain-Lain | 6,665 |
| Jumlah | | 874,480 |

Sumber: Jabatan Imigresen Malaysia (t.th.a)

Berdasarkan Jadual 12, Program Penggajian dan Penempatan Semula PATI (Program *Rehiring*) telah mendaftarkan sejumlah 744,942 orang PATI. PATI warganegara Bangladesh merupakan warganegara yang tertinggi yang telah mendaftar Program *Rehiring* iaitu sebanyak 64 peratus daripada jumlah keseluruhan. PATI warganegara Indonesia pula merupakan warganegara kedua tertinggi iaitu sebanyak 15 peratus daripada jumlah keseluruhan.

Jadual 12: Jumlah pendaftaran Program *Rehiring* mengikut warganegara

| Bil. | Warganegara | Jumlah (Orang) |
|---------------|--------------|----------------|
| 1 | Bangladesh | 482,535 |
| 2 | Indonesia | 118,115 |
| 3 | Myanmar | 43,860 |
| 4 | India | 32,992 |
| 5 | Nepal | 21,978 |
| 6 | Pakistan | 17,519 |
| 7 | Vietnam | 9,199 |
| 8 | Filipina | 8,189 |
| 9 | Kemboja | 3,855 |
| 10 | Thailand | 3,571 |
| 11 | Sri Lanka | 2,981 |
| 12 | Laos | 116 |
| 13 | Uzbekistan | 19 |
| 14 | Kazakhstan | 9 |
| 15 | Turkmenistan | 4 |
| Jumlah | | 744,942 |

Sumber: Jabatan Imigresen Malaysia (t.th.c)

Berdasarkan Jadual 13 pula, bagi Program E-Kad Sementara Pekerja Asing (Program E-Kad), sebanyak 164,804 orang PATI telah diberikan E-Kad. Daripada jumlah tersebut, warganegara yang tertinggi ialah Bangladesh iaitu seramai 97,191 orang (58 peratus) diikuti Indonesia seramai 37,743 orang (22 peratus). PATI yang berdaftar dalam Program E-Kad kebanyakannya bekerja secara tidak sah dalam tiga sektor iaitu perkilangan (10 peratus), perkhidmatan (28 peratus) dan pembinaan (51 peratus).

Jadual 13: Jumlah pengeluaran E-Kad mengikut warganegara

| Bil. | Warganegara | Jumlah (Orang) |
|--------|--------------|----------------|
| 1 | Bangladesh | 97,191 |
| 2 | Indonesia | 37,743 |
| 3 | Myanmar | 17,906 |
| 4 | India | 3,450 |
| 5 | Pakistan | 2,438 |
| 6 | Nepal | 2,770 |
| 7 | Vietnam | 991 |
| 8 | Filipina | 666 |
| 9 | Kemboja | 680 |
| 10 | Sri Lanka | 460 |
| 11 | Thailand | 490 |
| 12 | Laos | 15 |
| 13 | Turkmenistan | 3 |
| 14 | Kazakhstan | 1 |
| Jumlah | | 164,804 |

Sumber: Jabatan Imigresen Malaysia (t.th.d)

Merujuk kepada Jadual 14, melalui Program *Back For Good* (Program B4G), seramai 174,135 orang PATI telah pulang ke negara asal mereka. Berdasarkan Jadual 14, majoriti PATI adalah dari Indonesia iaitu sebanyak 36 peratus diikuti dari Bangladesh sebanyak 30 peratus daripada jumlah keseluruhan. Daripada jumlah tersebut, 52 peratus orang PATI telah melakukan kesalahan tinggal lebih masa dan 48 peratus orang PATI telah melakukan kesalahan tanpa Pas atau permit yang sah (Jabatan Imigresen Malaysia t.th.d). Majoriti PATI iaitu berjumlah 100,030 orang atau 52 peratus telah mendaftar di kawasan Lembah Klang iaitu 49,959 orang di Putrajaya, 27,507 orang di Kuala Lumpur dan 22,564 orang di Selangor.

Jadual 14: Jumlah PATI yang telah serah diri dan pulang ke negara asal melalui Program B4G

| Bil. | Warganegara | Jumlah (Orang) |
|------|-------------|----------------|
| 1 | Indonesia | 63,391 |
| 2 | Bangladesh | 53,022 |
| 3 | India | 28,120 |
| 4 | Myanmar | 7,885 |
| 5 | Pakistan | 7,640 |
| 6 | Nepal | 5,916 |
| 7 | Nigeria | 3,516 |

Special Issue: Vol. 19. No.2 (2022) 71-95. ISSN: 1823-884x
Theme: Community Development, Education, Socio-Economic and Social Transformation

| | | |
|--------|-----------|---------|
| 8 | Filipina | 1,459 |
| 9 | Sri Lanka | 1,361 |
| 10 | China | 477 |
| 11 | Lain-Lain | 1,348 |
| Jumlah | | 174,135 |

Sumber: Jabatan Imigresen Malaysia (t.th.e)

Berdasarkan Jadual 15, jumlah operasi yang terbanyak dijalankan adalah pada tahun 2019 iaitu sebanyak 17,536 operasi yang melibatkan pemeriksaan seramai 205,972 orang, tangkapan seramai 50,726 orang PATI dan 1,267 orang majikan. Bilangan tangkapan PATI yang paling tinggi adalah pada tahun 2015 iaitu sebanyak 59,374 orang daripada 262,680 orang yang diperiksa.

Jadual 15: Jumlah operasi, pemeriksaan, tangkapan PATI dan majikan bagi tahun 2014 sehingga 2020

| Tahun | Bilangan Operasi | Bilangan Diperiksa (Orang) | Tangkapan PATI (Orang) | Tangkapan Majikan (Orang) |
|--------|------------------|----------------------------|------------------------|---------------------------|
| 2014 | 5,452 | 96,214 | 37,644 | 557 |
| 2015 | 10,469 | 262,680 | 59,374 | 772 |
| 2016 | 10,949 | 180,079 | 49,496 | 1,456 |
| 2017 | 16,737 | 197,866 | 48,464 | 1,293 |
| 2018 | 14,724 | 191,218 | 48,372 | 1,468 |
| 2019 | 17,536 | 205,972 | 50,726 | 1,267 |
| 2020 | 6,877 | 100,847 | 22,671 | 389 |
| Jumlah | 82,744 | 1,234,876 | 316,747 | 7,202 |

Sumber: Jabatan Imigresen Malaysia t.th.f

Berdasarkan Jadual 16 pula, bagi tahun 2020 majoriti PATI adalah dari Indonesia iaitu sebanyak 41 peratus diikuti dari Bangladesh sebanyak 16 peratus daripada jumlah keseluruhan. Selain itu, 18 peratus orang PATI telah melakukan kesalahan tinggal lebih masa dan 64 peratus orang PATI telah melakukan kesalahan tanpa Pas atau permit yang sah. Majoriti tangkapan PATI iaitu berjumlah 7,700 orang atau 52 peratus telah berlaku di kawasan Lembah Klang iaitu 3,454 orang di Kuala Lumpur, 2,434 orang di Putrajaya dan 1,812 orang di Selangor (Jabatan Imigresen Malaysia t.th.e).

Jadual 16: Jumlah tangkapan PATI mengikut kesalahan imigresen bagi tahun 2020

| Bil. | Warganegara | Sek. 6(1)(c) (Tanpa Pas Yang Sah) | Sek. 15(1)(c) (Tinggal Lebih Masa) | Per. 39(b) (Langgar Syarat Pas) | Sek. 56(1)(l) (Dokumen Palsu) | Lain-Lain | Jumlah |
|------|-------------|-----------------------------------|------------------------------------|---------------------------------|-------------------------------|-----------|--------|
| 1 | Indonesia | 5,634 | 2,975 | 548 | 87 | 258 | 9,502 |
| 2 | Bangladesh | 2,405 | 331 | 907 | 18 | 46 | 3,707 |
| 3 | Filipina | 1,614 | 33 | 18 | 9 | 7 | 1,681 |

Special Issue: Vol. 19. No.2 (2022) 71-95. ISSN: 1823-884x
Theme: Community Development, Education, Socio-Economic and Social Transformation

| | | | | | | | |
|----|-----------|--------|-------|-------|-----|-----|--------|
| 4 | Myanmar | 2,527 | 80 | 52 | 1 | 18 | 2,678 |
| 5 | Thailand | 243 | 86 | 850 | 6 | 74 | 1,259 |
| 6 | India | 809 | 321 | 115 | 8 | 20 | 1,273 |
| 7 | Vietnam | 204 | 84 | 126 | 36 | 22 | 472 |
| 8 | Nepal | 305 | 21 | 54 | 0 | 5 | 385 |
| 9 | Pakistan | 526 | 214 | 158 | 17 | 40 | 955 |
| 10 | China | 201 | 47 | 104 | 0 | 6 | 358 |
| 11 | Kemboja | 154 | 65 | 9 | 0 | 0 | 228 |
| 12 | Sri Lanka | 26 | 9 | 1 | 0 | 2 | 38 |
| 13 | Nigeria | 11 | 7 | 2 | 0 | 0 | 20 |
| 14 | Lain-Lain | 67 | 20 | 26 | 0 | 2 | 115 |
| | Jumlah | 14,726 | 4,293 | 2,970 | 182 | 500 | 22,671 |

Sumber: Jabatan Imigresen Malaysia t.th.f

Jadual 17 menunjukkan bahawa jumlah kes jenayah indeks warga asing yang tertinggi berlaku pada tahun 2014 iaitu sebanyak 13,997 kes dan terendah adalah pada tahun 2011 iaitu sebanyak 804 kes.

Jadual 17: Jumlah kes jenayah indeks warga asing bagi tahun 2010 sehingga 202

| Tahun | Jumlah Kes Jenayah Indeks |
|-------|---------------------------|
| 2010 | 3,652 |
| 2011 | 804 |
| 2012 | 1,575 |
| 2013 | 13,591 |
| 2014 | 13,997 |
| 2015 | 12,659 |
| 2016 | 13,124 |
| 2017 | 11,441 |
| 2018 | 10,781 |
| 2019 | 10,548 |
| 2020 | 2,510 |

Sumber: Polis Diraja Malaysia (2021)

Pergaulan PATI dengan pekerja asing yang sah menjadi punca utama penularan penyakit-penyakit berjangkit (Harian Metro 2018). Sejumlah 2.2 peratus hingga 2.5 peratus daripada sejuta pekerja asing yang menjalani pemeriksaan saringan kesihatan setiap tahun gagal disebabkan berpenyakit *Tuberculosis*, *Hepatitis-B* dan *Sifilis*. Ini kerana PATI tidak tertakluk kepada dasar pemeriksaan kesihatan secara berkala berbanding pekerja asing yang sah.

PERBINCANGAN

Kajian mendapati bahawa dasar pengurusan warga asing memberikan impak positif kepada ekonomi negara yang melibatkan keperluan buruh, pelancongan dan pendidikan. Kemasukan pelancong asing ke Malaysia telah meningkatkan ekonomi negara secara tidak langsung melalui jumlah perbelanjaan semasa mereka berada di negara ini. Kemasukan pelajar antarabangsa juga menjadi sumber pendapatan utama IPTS melalui yuran pengajian dan ekonomi negara Malaysia secara tidak langsung melalui kelangsungan pelajar antarabangsa sepanjang berada di Malaysia. Golongan ekspatriat pula semakin gemar untuk bekerja dan menetap di Malaysia. Golongan ekspatriat juga memberikan maklum balas yang baik berkenaan dasar imigresen negara seperti dasar RP-T. Dasar pengambilan pekerja asing yang telah dijalankan juga telah mengurangkan jumlah pekerja asing. Ini secara tidak langsung telah menunjukkan kadar kebergantungan pekerja asing berdasarkan jumlah pekerja asing pada Jun 2020 telah berkurangan sebanyak 27 peratus berbanding tahun 2015. Penggajian pekerja asing dan ekspatriat secara tidak langsung dapat meningkatkan ekonomi Malaysia melalui kutipan levi pekerja asing dan cukai pendapatan ekspatriat.

Kajian juga mendapati bahawa kemasukan dan keberadaan warga asing yang tertinggi adalah daripada golongan pelancong asing dan pekerja asing. Warganegara Indonesia dan Bangladesh juga didapati ramai memasuki Malaysia sebagai pekerja asing, pelancong asing dan pelajar antarabangsa. Selain itu, ramai warga asing tertumpu di kawasan Lembah Klang iaitu di bawah kategori pekerja asing, ekspatriat dan PATI. Kajian juga mendapati bahawa warganegara yang tertinggi menjadi PATI ialah Indonesia dan Bangladesh. Kebanyakan PATI tersebut juga didapati telah bekerja secara tidak sah dalam sektor pembinaan, perkhidmatan dan perkilangan. Sektor-sektor tersebut selari dengan sektor-sektor majoriti penggajian pekerja asing. Ini menunjukkan bahawa golongan pekerja asing berisiko tinggi untuk bertukar status menjadi PATI. Malah berdasarkan jumlah orang diperiksa dan tangkapan PATI bagi tahun 2014 sehingga 2020, didapati nisbahnya adalah 316,747 orang tangkapan PATI daripada 1,234,876 orang diperiksa atau lebih kurang 1 nisbah 4 (1:4). Sejak tahun 2010, seramai 3,261,487 orang PATI telah direkodkan oleh JIM melalui program-program yang telah dijalankan. Melalui aktiviti penguatkuasaan pula, seramai 316,747 orang PATI telah ditangkap dari tahun 2014 sehingga 2020. Dua kesalahan utama yang dilakukan oleh PATI ialah ketiadaan Pas atau permit yang sah dan tinggal melebihi masa yang ditetapkan. Sehubungan itu, Kerajaan perlu meningkatkan tahap kesedaran di kalangan warga asing terutamanya golongan pekerja asing dan majikannya berkenaan punca seseorang warga asing bertukar status menjadi PATI.

Kajian mendapati bahawa dasar pengurusan warga asing memberikan impak negatif kepada keselamatan yang melibatkan penyakit berjangkit dan jenayah indeks. Penularan penyakit berjangkit sukar dibendung di kalangan pekerja asing disebabkan pergaulan PATI dengan pekerja asing yang sah. Malah, pada tahun 2020, bagi mengekang penularan pandemik COVID-19, Malaysia telah mengubah suai dasar pengurusan warga asing sekaligus memberikan impak kepada negara. Kemasukan warga asing telah disekat masuk ke Malaysia terutamanya pelancong asing, pekerja asing dan pelajar antarabangsa. Ianya telah memberikan impak negatif kepada ekonomi negara terutamanya sektor swasta yang melibatkan sektor perlancongan dan pendidikan. Sektor perladangan yang melibatkan industri kelapa sawit juga turut terkesan disebabkan kekurangan pekerja asing akibat daripada pembekuan pengambilan pekerja asing. Berdasarkan jumlah jenayah indeks pula, jumlah perangkaan jenayah indeks

boleh dianggap kecil jika dibandingkan dengan jumlah warga asing di Malaysia. Selain itu, sistem pengurusan yang lemah dan tidak memenuhi aspek keselamatan juga telah memberikan impak yang negatif kepada pengurusan warga asing yang melibatkan maklumat kemasukan, keberadaan dan keluar setiap warga asing yang berkaitan iaitu pelancong asing, pelajar antarabangsa dan pekerja asing.

Kerajaan juga disarankan untuk melihat semula dasar kemasukan warganegara Indonesia yang majoritinya memasuki Malaysia sebagai pelancong asing dan pekerja asing. Ini kerana kajian mendapati bahawa kebanyakan PATI didapati adalah daripada warganegara Indonesia. Sehubungan itu, Kerajaan perlu melihat semula dasar dan prosedur kemasukan pelancong asing dan pekerja asing dari Indonesia bagi mengurangkan warga asing daripada Indonesia menjadi PATI. Kerajaan mungkin boleh melihat model yang dilaksanakan oleh Singapura bagi mengawal kemasukan warganegara Malaysia yang bekerja di Singapura. Kemudahan Pas yang sedia ada mungkin boleh ditambahbaik seperti Pas Lintas Batas Malaysia – Indonesia bagi mengawal kemasukan warganegara Indonesia yang bekerja di Malaysia. Selain itu, kerjasama dengan pihak Indonesia juga diperlukan bagi memastikan proses migrasi secara selamat dapat dicapai.

KESIMPULAN

Kajian ini dapat memberikan pemahaman berkaitan implikasi dasar pengurusan warga asing di Malaysia. Melalui kajian ini, penggubal dasar berkaitan warga asing dapat mengenal pasti isu-isu pelaksanaan dasar yang berkaitan dan mengadaptasi cadangan penambahbaikan yang telah disyorkan. Dengan penambahbaikan dasar-dasar warga asing, Malaysia akan diiktiraf dan dijadikan penanda aras bagi negara-negara lain dalam pengurusan warga asing. Melalui kajian ini secara tidak langsung imej agensi Kerajaan Malaysia yang terlibat akan meningkat di kalangan rakyat Malaysia. Ini kerana tahap pemahaman dan kesedaran rakyat juga akan meningkat berkenaan implikasi dasar-dasar kemasukan dan keberadaan warga asing di Malaysia.

RUJUKAN

- Ahmad Suhael Adnan. (2020). COVID-19: Koloni warga asing berisiko cetus kluster baharu. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/686348/covid-19-koloni-warga-asing-berisiko-cetus-kluster-baharu> [3 Mei 2021].
- Ahmad Zulnasri Abdul Khalid. (2019). Kawalan imigresen dan pembentukan negara: perkembangan dan perubahan di Tanah Melayu daripada zaman kesultanan Melaka ke era Malaysia moden. *Jebat* 46(2): 272-294.
- Anderson, J.T. (2020). Managing labour migration in Malaysia: foreign workers and the challenges of 'control' beyond liberal democracies. <https://www.tandfonline.com/doi/full/10.1080/01436597.2020.1784003> [1 Mei 2021].
- Anon. t.th. Program penyelesaian menyeluruh PATI (Program 6P). <https://sites.google.com/a/agent6p.com/www/program-penyelesaian-menyeluruh-pati-program-6p> [9 Februari 2021].
- Anon. (2015). The history of the economic security economics essay. <https://essays.pw/essay/the-history-of-the-economic-security-economics-essay-91080> [5 Mei 2021].

- Astro Awani. (2016). Kenaikan levi pekerja asing akan tingkatkan pendapatan negara. <https://www.astroawani.com/video-malaysia/kenaikan-levi-pekerja-asing-akan-tingkatkan-pendapatan-negara-1699475> [10 April 2021].
- Azizah Kassim. (2005). Cross-border movement of foreign workers in Malaysia: a comparative analysis. <https://citeseerx.ist.psu.edu/viewdoc/download?doi=10.1.1.506.3652&rep=rep1&type=pdf> [9 Februari 2021].
- Azizah Kassim. (2014). Recent trends in transnational population inflows into Malaysia: policy, issues and challenges. *Malaysian Journal of Economic Studies* 51(1): 9-28.
- BERNAMA. 2019. Education ministry: revenue from international students expected to grow to RM 15.6b. <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2019/09/12/education-ministry-revenue-from-international-students-expected-to-grow-to/1789792> [15 April 2021].
- BERNAMA. (2020). Ada kelemahan dalam tadbir urus visa penuntut – PAC. <https://www.malaysiakini.com/news/554359> [15 April 2021].
- BERNAMA. (2021). Kerajaan kaji pengambilan semula pekerja asing. <https://www.sinarharian.com.my/article/133225/BERITA/Nasional/Kerajaan-kaji-pengambilan-semula-pekerja-asing> [10 April 2021].
- Blakemore, E. (2019). Human migration sparked by wars, disasters, and now climate. https://www.nationalgeographic.com/culture/article/migration?cmpid=int_org=ngp::int_mc=website::int_src=ngp::int_cmp=amp::int_add=amp_readtherest [5 Mei 2021].
- Harian Metro. (2018). 2.5 peratus pekerja asing gagal saringan. <https://www.pressreader.com/malaysia/harian-metro/20181208/281505047298187> [14 April 2021].
- Hoon, O.L.L, Nik Nurul Farahanis Mohd Rosli, Farah Ayuni Marhalim & Siti Nur Afiqah Mohamed Musthafa. (2017). Social impact of foreign immigrants in affordable housing area. Case study: Mentari Court, Selangor, Malaysia. *Journal of the Malaysian Institute of Planners* 15(2): 37-50.
- International Labour Organization. (2020). Malaysia (July – December 2020). *Triangle in ASEAN Quarterly Briefing Note*. Bangkok: International Labour Organization.
- Iwan Shu-Aswad Shuaib. (2011). Bidang kerja PATI berdaftar dengan Program 6P jadi tanda tanya. <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2011/09/07/bidang-kerja-pati-berdaftar-dengan-program-6p-jadi-tanda-tanya> [14 April 2021].
- Jabatan Imigresen Malaysia. t.th.a. Laporan Statistik Kompaun Program PATI Serah Diri (Program 3 + 1).
- Jabatan Imigresen Malaysia. t.th.b. Program Penggajian dan Penempatan Semula PATI.
- Jabatan Imigresen Malaysia. t.th.c. Program E-Kad.
- Jabatan Imigresen Malaysia. t.th.d. Program Back for Good (B4G).
- Jabatan Imigresen Malaysia. t.th.e. Laporan Aktiviti Penguatkuasaan Sektor Operasi.
- Kementerian Dalam Negeri. (2016). Kenyataan media YBhg. Dato' Sri Alwi bin Hj. Ibrahim Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri mengenai kekeliruan angka kutipan levi pekerja asing. <https://www.moha.gov.my/index.php/en/maklumat-korporat22-4/kenyataan-media-kdn/2750-> [10 April 2021].
- Kementerian Kewangan Malaysia. (2020). Tinjauan ekonomi 2021. <https://belanjawan2021.treasury.gov.my/pdf/ekonomi/2021/tinjauan-ekonomi-2021.pdf> [13 April 2021].
- Kementerian Pendidikan Tinggi. (2014). Perangkaan Pendidikan Tinggi.
- Kementerian Pendidikan Tinggi. (2015). Statistik Pendidikan Tinggi 2015.
- Kementerian Pendidikan Tinggi. (2016). Statistik Pendidikan Tinggi 2016.
- Kementerian Pendidikan Tinggi. (2017). Statistik Pendidikan Tinggi 2017.
- Kementerian Pendidikan Tinggi. (2018). Statistik Pendidikan Tinggi 2018.
- Kementerian Pengajian Tinggi. t.th. Teks perutusan YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad Menteri Pengajian Tinggi sempena majlis amanat Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi tahun 2021. <https://mohe.gov.my/en/media-mohe/speech-text/1413-teks-perutusan-yb-datuk-seri-dr-noraini-ahmad-menteri-pengajian-tinggi-sempena-majlis-amanat-yang-berhormat-menteri-pengajian-tinggi-tahun-2021> [15 April 2021].
- Kementerian Pengajian Tinggi. (2019). Statistik Pendidikan Tinggi 2019.

- Lembaga Hasil Dalam Negeri. (2017). Kenyataan media LHDNM & JIM meneruskan kerjasama strategik menangani percukaian ekspatriat. http://phl.hasil.gov.my/pdf/pdfam/KenyataanMediaLHDNM_15062017_1.pdf [9 Februari 2021].
- Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia. (2020). Malaysia sambut 4.23 juta pelancong antarabangsa bagi suku pertama tahun 2020, turun 36.8% berbanding 2019. <https://www.tourism.gov.my/media/view/malaysia-sambut-4-23-juta-pelancong-antarabangsa-bagi-suku-pertama-tahun-2020-turun-36-8-berbanding-2019> [20 April 2021].
- Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia. (2021). Statistik pelancong China, India dan keseluruhan bagi tahun 2010 sehingga 2020. *Mel elektronik* [26 April 2021].
- Merchant, C. (2020). Kuala Lumpur makes global top 10 cities for expats list. <https://www.expatsgo.com/my/2020/12/02/kuala-lumpur-makes-global-top-10-cities-for-expats-list/> [13 April 2021].
- Mohamed Rafizal Mohamed Eusoff. (2019). Mekanisme Kerajaan dengan Kerajaan (G2G) Malaysia: perbandingan “Employment Permit System (EPS)” di Korea Selatan. *Akademika* 89(1): 97-111.
- Mohd Na'eim Ajis, Mohamad Faisol Keling, Ummu Atiyah Ahmad Zakuan & Zawiyah Mohd Zain. (2018). Kajian terhadap proses dan pendekatan dalam pembentukan dasar pekerja asing di Malaysia. *Journal of Social Sciences and Humanities* 15(5): 48-65.
- Mohd Na'eim Ajis, Zawiyah Mohd Zain, Mohamad Faisol Keling & Ummu Atiyah Ahmad Zakuan. (2017). Aktiviti penyeludupan migran dalam kalangan pendatang asing tanpa izin (PATI) di Malaysia. *Malaysia Journal of Society and Space* 13(2): 13-25.
- MyMetro. (2019a). Kami sudah laksana 7,710 operasi. <https://www.hmetro.com.my/utama/2019/06/463394/kami-sudah-laksana-7710-operasi-metro-tv> [3 Mei 2021].
- MyMetro. (2019b). Kawalan pekerja asing lemah. <https://www.hmetro.com.my/utama/2019/07/475880/kawalan-pekerja-asing-lemah> [10 April 2021].
- Nafisah Ilham Hussin, Ahmad Miqdad Shamsuddin, Marshelayanti Mohamad Razali & Siti Noranizahhafizah Boyman. (2018). Kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Tenaganita dalam membanteras jenayah pemerdagangan manusia untuk eksploitasi seksual di Malaysia. *Jurnal Perspektif Special Issue 1*: 62-72.
- National Geographic. (2020). Motivations for colonization. <https://www.nationalgeographic.org/article/motivations-colonization/> [5 Mei 2021].
- Nuraina Hanis Abd. Halim. (2021). Sindiket guna pas pelajar tipu e-dagang, love scam diberkas. <https://www.utusan.com.my/nasional/2021/02/sindiket-guna-pas-pelajar-tipu-e-dagang-love-scam-diberkas/> [15 April 2021].
- Nurina Awanis Mohamed, Mohd Na'eim Ajis & Zawiyah Md. Zain. (2019a). Dilema majikan dalam isu menggaji pekerja tempatan atau pekerja asing di Malaysia: perspektif majikan. *Malaysian Journal of Society and Space* 15(3): 136-147.
- Nurina Awanis Mohamed, Mohd Na'eim Ajis & Zawiyah Md. Zain. (2019b). Cabaran dalam menguruskan pendatang asing tanpa izin di depot tahanan imigresen Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space* 15(3): 76-89.
- Nurul Amirah Hamzah, Nooraini Othman & Wardatul Aishah Musa. (2019). Pemerdagangan manusia di Malaysia: isu dan usaha membanteras. *International Journal of Law, Government and Communication* 4(15): 130-140.
- Nurul Hidayah Bahaudin. (2021). 664,946 warga asing sudah disaring - Ismail Sabri. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/03/690042/664946-warga-asing-sudah-disaring-ismail-sabri> [10 April 2021].
- Polis Diraja Malaysia. t.th. Jumlah Tangkapan Mengikut Kes dan Warganegara Asing Seluruh Malaysia.
- Prabandari, A. & Adiputera, Y. (2019). Alternative paths to refuges and asylum seeker protection in Malaysia and Indonesia. *Asian and Pacific Migration Journal* 28(2): 132-154.
- Raiham Mohd Sanusi. (2020). Bisnes IPTS terkena tempias COVID-19. <https://www.sinarharian.com.my/article/91784/BERITA/Nasional/Bisnes-IPTS-terkena-tempias-Covid-19> [15 April 2021].

- Ruhanas Harun. 2009. Peningkatan keselamatan bersama melalui kerjasama dua hala Malaysia dan negara-negara jiran. *Jebat* 36(2009): 16-40.
- Salehudin Mat Rasad. (2021). Kerajaan mohon permit khas import 32,000 pekerja asing. <https://www.utusan.com.my/berita/2021/03/kerajaan-mohon-permit-khas-import-32000-pekerja-asing/> [10 April 2021].
- Siti Hanna Aisya Noorazman & Sharifah Nursyahidah Syed Annuar. (2017). Pemerdagangan seks wanita di Malaysia: satu jenayah globalisasi. *Jurnal Wacana Sarjana* 1(1): 1-19.
- Siti Nur Mas Erah Amran. (2019). Kesan pelancong China, India tinggal lebih masa – Muhyiddin. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/12/634825/kesan-pelancong-china-india-tinggal-lebih-masa-muhyiddin> [20 April 2021].
- Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan. (2017). Imigresen akui pelajar kolej swasta 'hilang' dari kuliah, terlibat jenayah. <http://www.eaic.gov.my/en/node/2387> [15 April 2021].
- Talent Corporation Malaysia Berhad. (2015). Why Intel is here to stay. <http://www.talentmatters.com.my/stories/professionals/designing-the-future.aspx> [13 April 2021].
- Talent Corporation Malaysia Berhad. (2016). The journey is not over yet for this French professor who has called Malaysia home for 17 years. <http://www.talentmatters.com.my/stories/professionals/the-journey-is-not-over-yet-for-this-french-professor-who-has-called-malaysia-home-for-17-years.aspx> [13 April 2021].
- Talent Corporation Malaysia Berhad. (2020). Annual review 2020. https://www.talentcorp.com.my/clients/TalentCorp_2016_7A6571AE-D9D0-4175-B35D-99EC514F2D24/contentms/img/Documents/TalentCorp%20Annual%20Review%202020_FINAL.pdf [13 April 2021].
- Taufiq A. Rashid, Fabli Yusof, Ahmad Irfan Jailani & Tuan Nurhafiza Raja Abdul Aziz. (2018). Dasar-dasar persefahaman Malaysia dan Indonesia dalam melindungi tenaga kerja asing. *Journal of Law & Governance* 1(1): 91-100.
- Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia. (2021a). Statistik pekerja asing aktif mengikut negara dan tahun bagi tahun 2015 hingga jun 2020. https://www.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/statistik-pekerja-asing-aktif-mengikut-negara-dan-tahun [10 April 2021].
- Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia. (2021b). Statistik Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) mengikut pecahan sektor. https://www.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/statistik-pekerja-asing-mengikut-pecahan-sektor [10 April 2021].
- Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia. (2021c). Statistik pekerja asing terkini mengikut negeri dan sektor. https://www.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/statistik-pekerja-asing-terkini-mengikut-negeri-dan-sektor [10 April 2021].

MAKLUMAT PENULIS

MOHD FAISAL ANUAR

Pelajar Sarjana Sains Sosial (Analisis Strategi dan Keselamatan)
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia
faisal.anuar67@gmail.com

DR. MOHD IKBAL MOHD HUDA

Pensyarah Kanan
Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia
ibahuda@ukm.edu.my